



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 27 MAC 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	PEMBENIHAN AWAN AWAL BULAN DEPAN, NASIONAL, BERITA HARIAN -16 BOT TEKNOLOGI SATELIT TINGKAT HASIL NELAYAN, ISU, BERITA HARIAN -17 BEKALAN, BELIAN BAHAN BUAT BOM IKAN DISEKAT, NEWS, BH (SS) -1 SEKAT BEKAL, BELI BAHAN BUAT BOM IKAN, NEWS, HARIAN METRO (SS) -3 SATELLITE TECHNOLOGY BOAT TO HELP FISHERMAN IMPROVE CATCH, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -9 SUPPORT YOUNG GENERATION TO JOIN FARMING, NEWS, NANYANG SIANG PAU -B4 BOT GUNA TEKNOLOGI SATELIT TINGKAT HASIL TANGKAPAN NELAYAN, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -9 PESAWAH MUDA HARAPAN INDUSTRI PADI, MEGA AGRO, UTUSAN MALAYSIA, 24	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
9.	SOKONG KONSORTIUM KAWAL HARGA IKAN, ISU, BH -17	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	PENTERNAK KERBAU TERJEJAS, TEMERLOH, SH -34 HERE COMES CENDOL SEGERA, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -7 AGRO MALAYSIA, TGV METERAI MOU, TEMERLOH, SH -34 KAMBING TERMACHO, SETEMPAT, HARIAN METRO -22 PAK WAN IKON TANI, SAINS, UTUSAN MALAYSIA SETTIK PELUH DI BENDANG, REZEKI SELUAS JELAPANG, MEGA AGRO, UTUSAN MALAYSIA -22 BANTUAN KHAS KEPADA PESAWAH, MEGA AGRO, UTUSAN MALAYSIA -23	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Pembenihan awan awal bulan depan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	16	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	304 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,439
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,317



Pembenihan awan awal bulan depan

➔ Operasi hasilkan hujan dilaksana seminggu: MetMalaysia

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Operasi pembenihan awan dijangka dapat dilaksanakan awal bulan depan berikutan banyak awan jenis kumu-

lus yang boleh menghasilkan hujan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi (MetMalaysia), Datuk Alui Bahari, berkata pihaknya juga meramalkan tempoh itu selepas mengkaji keadaan atmosfera merangkumi kelembapan udara tinggi serta arah dan kelajuan angin yang sesuai.

"Mengenai isu penerbangan sebenarnya bergantung kepada kesesuaian atmosfera dengan kebiasaannya, tempoh penerbangan selama dua jam.

Operasi dapat dilaksanakan

"Kalau tidak berlaku perkara luar biasa, operasi itu akan dapat dilaksanakan dalam tempoh seminggu," katanya kepada BH, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara



Alui Bahari



Charles Santiago

(SPAN), Charles Santiago ketika dihubungi, berkata pihaknya tiada halangan terhadap inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta MetMalaysia selain menyifatkan ia sebagai langkah sesuai selari dengan keadaan cuaca semasa.

"Secara amnya, SPAN tiada halangan untuk pihak terbabit melakukan pembenihan awan.

"Ja memandangkan keadaan cuaca panas, kekurangan hujan dan paras air sungai yang rendah," katanya.

Sabtu lalu, Kementerian Perta-

nian dan Industri Asas Tani dilaporkan akan melakukan pembenihan awan di kawasan sawah kendalian Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dalam masa terdekat berikutan cuaca panas yang bermula sejak Februari lalu.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan dipetik sebagai berkata, pihak kementerian sudah mengeluarkan arahan dan berbincang dengan MetMalaysia untuk pelaksanaan pembenihan awan demi kebaikan pesawah.

Katanya, buat masa sekarang, pihaknya sedang menunggu bahagian teknikal MetMalaysia terlebih dahulu untuk menilai keadaan semasa dan bila ia akan dilaksanakan selain keperluan penerbangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2019	ISU	BH	17

Bot teknologi satelit tingkat hasil nelayan

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memperkenalkan bot baharu yang menggunakan teknologi satelit kepada nelayan tempatan bagi meningkatkan hasil tangkapan ikan.

Timbalan Menteri, Sim Tze Tzin, berkata bot itu akan memudahkan nelayan mengesan ikan di laut, selain memberi penjimatan diesel.

“Vessel’ baharu ini akan menjadikan tangkapan ikan lebih efisien kerana mereka boleh terus ke tempat menangkap ikan dengan bantuan teknologi itu,” katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Hasanuddin Mohd Yunus (PH-Hulu Langat) yang bertanya mengenai langkah kerajaan untuk meningkatkan kualiti nelayan serta hasil tangkapan mereka.

Sim berkata, nelayan dari Australia menggunakan bot nelayan itu yang dibeli dari Malaysia, namun penerimaan daripada nelayan tempatan masih kurang memuaskan.

Sementara itu, Sim berkata, pengeluaran perikanan tangkapan marin pada 2018 ialah 1.47 juta tan dengan nilai RM11,385 juta, dengan Kelantan mencatatkan RM270.29 juta nilai hasil tangkapan.

BERNAMA

Headline	Bekalan, belian bahan buat bom ikan disekat		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	27 Mar 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	1,506
Page No	1	Readership	4,518
Language	Malay	ArticleSize	107 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 329
Frequency	Daily	PR Value	RM 988



Bekalan, belian bahan buat bom ikan disekat

Kota Kinabalu: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah melalui Jabatan Perikanan negeri akan bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk menyekat pembekalan dan pembelian bahan membuat bom ikan.

Menterinya, Datuk Junz Wong, berkata pihaknya memandang serius aktiviti bom ikan yang berlaku di negeri ini.

"Kita akan bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi menyekat pembekalan dan pembelian bahan yang digunakan untuk membuat bom ikan seperti baja ammonia dan sebagainya.

"Ini kerana aktiviti mengebom ikan bukan saja merosakkan ekosistem laut tetapi juga turut membahayakan nyawa," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Katanya, usaha pasukan polis membanteras aktiviti pengeboman ikan harus dipuji termasuk menahan seorang lelaki yang didapati memiliki 670 kilogram (kg) ikan disyaki daripada kaedah pengeboman di Kudat baru-baru ini.

"Menangkap ikan menggunakan bahan letupan boleh dihukum mengikut Seksyen 26(1)(c) Akta Perikanan 1985," katanya.

Sebelum ini, lapan ahli sindiket penyeludupan bahan membuat bom ikan dikenakan perintah tahanan di Pusat Pemulihan Khas, Bintulu, Sarawak, selama satu tahun bermula 20 Mac lalu.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Zaini Jass dilaporkan berkata, perintah tahanan itu dibuat mengikut Seksyen 19A(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Headline	Sekat bekal, beli bahan buat bom ikan		
MediaTitle	Harian Metro (Sabah and Sarawak)		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3,028
Page No	3	Readership	9,084
Language	Malay	ArticleSize	83 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,322
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,967



Kota Kinabalu

Sekat bekal, beli bahan buat bom ikan

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah melalui Jabatan Perikanan Sabah akan bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk menyekat pembekalan atau pembelian bahan membuat bom ikan.

Menterinya, Datuk Junz Wong berkata, pihaknya sentiasa memandang serius aktiviti bom ikan di negeri ini.

"Kita akan bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi menyekat pembekalan dan pembelian bahan yang digunakan untuk membuat bom ikan seperti baja amonia dan sebagainya.

"Ini kerana, aktiviti mengebom ikan bukan saja merosakkan eko sistem laut tetapi turut membahayakan nyawa," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, usaha polis membanteras aktiviti pengeboman ikan harus dipuji termasuk menahan seorang lelaki yang didapati memiliki 670 kilogram (kg) ikan disyaki daripada kaedah pengeboman di Kudat.

"Menangkap ikan menggunakan bahan letupan boleh didakwa mengikut Seksyen 26(1)(c) Akta Perikanan 1985," katanya.

Headline	Satellite technology boat to help fishermen improve catch		
Media Title	New Sarawak Tribune		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	46,471
Page No	9	Readership	164,773
Language	English	ArticleSize	72 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 421
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,262



Satellite technology boat to help fishermen improve catch

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Agro-based Industry Ministry will be introducing new fishing boats using satellite technology to help fishermen improve their catch.

Its Deputy Minister Sim Tze Tzin said the boat would facilitate fisher-

men detect the location of fish in the sea apart from saving diesel.

"The new vessel will make catching fish more efficient as they can proceed to the right spot to catch with the assistance of the technology," he told Dewan Rakyat

yesterday.

He was replying to a question by Hasanuddin Mohd Yunus (PH-Hulu Langat) who wanted to know the measures carried out by the government to improve the quality of fishermen catch. - Bernama

Headline	Support young generation to join farming		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau (East Coast)		
Date	27 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,000
Page No	B4	Readership	18,000
Language	Chinese	ArticleSize	566 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,115
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,345



丹中总青团寻农业部合作

助年轻人进军农业领域

(哥打峇鲁 26 日讯) 吉兰丹中华总商会青年团寻求农业部的合作，造就州内有意进军农业领域的年轻人。

该团团长江稚颀日前联同 4 名青商团团

员，在格姆布农业发展局参加了一项由农业及农基工业部秘书长拿督莫哈末沙列胡丁主持开幕的“青年农业企业课程”后，如此表示。

江稚颀说，丹州华青对政府推动的青年农业发展计划所知甚少，不过，对农业有兴趣的华青却大有人在。

“他们当中，有些人对农业有兴趣，有些人则希望能在养殖业方面大展拳脚，却不知道该如何得到相关资讯和政府方面的资源。”

青年农业企业课程

他因此希望青商团能成为青农与农业部之间的桥梁。

他同时感谢来自行动党的朱克勤和叶光威律师，安排青商团团员参加上述课程。

一行人较后陪同农业部官员苏凯里，参观哥打峇鲁培植华小的“绿色园地”。该校种植计划多年前就已经取得成果，学生和教师都有参与种植。

苏凯里对此表示惊叹，并希望能与青商团合作，把最先进的农业技术



参与“青年农业企业课程”的青商团员与莫哈末沙列胡丁（右四）交流，希望农业部协助年轻人进军农业领域。

引起校园，或者安排成功的青农企业家前来授课。

他说，最新的科技已经可以让农作物“种在桌上”，通过这种技术种出来

的甜菜，甚至可以卖 9 令吉 1 公斤。

昨天，陪同参观的尚有丹青商团第一副团长刘翰棋和丹中总副会长沈水健博士。

Headline	Bot guna teknologi satelit tingkat hasil tangkapan nelayan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	27 Mar 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	9	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	319 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,044
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,132



UNTUK SEMAKAN ... Kaunter Pusat Khidmat Setempat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang membolehkan orang awam membuat Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak Dalam Daftar Kanak-kanak yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail semalam. • Foto BERNAMA

Bot guna teknologi satelit tingkat hasil tangkapan nelayan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan berusaha memperkenalkan bot laut baharu yang menggunakan teknologi satelit kepada nelayan tempatan bagi meningkatkan hasil tangkapan ikan.

Timbalan Menteri berkenaan Sim Tze Tzin berkata bot itu akan memudahkan nelayan mengesan kewujudan lokasi ikan di laut, selain memberi penjimatan diesel.

"Vessel baharu ini akan menjadikan tangkapan ikan lebih efisien kerana mereka boleh terus ke tempat menangkap ikan dengan bantuan teknologi itu," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Hasnuddin Mohd Yunus (PH-Hulu Langat) yang bertanya mengenai langkah kerajaan untuk meningkatkan kualiti nelayan serta hasil tangkapan mereka.

Sim berkata nelayan dari Australia telah menggunakan bot nelayan itu yang dibeli dari Malaysia, namun penerimaan daripada nelayan tempatan masih kurang memuaskan.

Sementara itu, Sim berkata pengeluaran perikanan tangkapan marin pada 2018 ialah 1.47 juta metrik tan dengan nilai RM11,385 juta, dengan Kelantan mencatatkan RM270.29 juta nilai hasil tangkapan. - Bernama



Pesawah muda harapan industri padi

KEBERKELANGAN pesawah-pesawah muda dalam membangunkan industri padi dan beras negara mendapat perhatian Padiberas Nasional Berhad (Bernas) pada majlis Anugerah Tani Bernas (ATB) 2019 yang diadakan di ibu negara baru-baru ini.

Golongan tersebut yang bakal menjadi pelapis sepatutnya menjadi contoh ikutan kepada mereka yang berminat menceburi bidang pertanian.

Muhammad Fadlan Suhaimi, 29, dari Peringat, Kelantan telah dinobatkan sebagai Anugerah Pesawah Belia yang diperkenalkan pada tahun ini. Satu-satunya pesawah wanita yang menerima anugerah pada tahun ini iaitu Noorshamsina Shamsul, 34, dari Sungai Manik, Perak pula menerima Anugerah Srikandi.

Masing-masing menerima wang tunai RM5,000, motosikal Kris MR2, trofi dan sijil.

Menurut Muhammad Fadlan, bidang pertanian juga menjanjikan pendapatan lumayan dan tidak ada sebab untuk golongan belia tidak menceburinya.

Dia berharap golongan belia menceburi bidang pertanian khususnya tanaman padi yang boleh menjana pendapatan lumayan.

"Mereka sebenarnya bekerja sendiri tanpa arahan sesiapa dan sentiasa dekat dengan keluarga serta waktu bekerja yang fleksibel.

"Apa yang penting ialah mereka boleh menjadi jutawan jika mempunyai telad dan isaha yang berterusan," ujarnya.



MEGAT JOHA MEGAT ABDUL RAHMAN



NOORSHAMSINA SHAMSUL



MUHAMMAD FADHLAN SUHAIMI

Bagi Noorshamsina pula, dia sangat bersyukur dan menghargai pengiktirafan yang diberikan oleh Bernas menerusi ATB.

"Walaupun menjadi seorang ibu kepada dua orang anak, saya dapat membahagikan masa untuk hal rumah tangga dan bidang pertanian terutama sebagai seorang pesawah.

"(Justeru) tidak semestinya bidang ini diceburi oleh golongan lelaki sahaja, sebaliknya golongan wanita juga boleh mengusahakan bendang dan jangan mengaku kalah," ujarnya.

Pada majlis tersebut, sebanyak 11 anugerah disampaikan kepada rakan tani iaitu tujuh anugerah bagi pesawah, dua anugerah pengilang bumiputera manajila dua lagi untuk pemborong bumiputera yang cemerlang.

Penganugerahan adalah berdasarkan sumbangan serta pencapaian mereka yang konsisten dalam pengeluaran hasil padi yang baik serta bermutu tinggi sepanjang tahun lepas.

Penyampaian anugerah tersebut disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian, Datuk Salim Parlan; Pengerusi Bernas Megat Joha Megat Abdul

Rahman; Pengarah Urusan Bernas, Ismail Mohamed Yusoff serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

Sejajar dengan slogan Teguh Bersama, ATB 2019 menonjolkan keupayaan rakan tani khususnya pesawah muda meneroka peluang dalam bidang yang mampu menjana sumber kekayaan kepada semua.

Sementara itu menurut Megat Joha, prestasi pengeluaran padi oleh para pesawah sepanjang tahun lepas agak baik berbanding tahun sebelumnya.

Berdasarkan rekod pembelian padi pada tahun lalu, pasaran-padi tempatan dilihat lebih kompetitif. Bernas dan kilang-kilang bumiputera di bawah Skim Pusat Belian Bernas mencatatkan rekod belian padi sebanyak 500,000 tan metrik.

"Jika dilihat kepada trend belian padi oleh Bernas, ada tahun-tahun yang jumlah belianya tinggi sehingga hampir satu juta tan metrik dan adakalanya rendah dengan jumlah sekitar 500,000 tan metrik sahaja.

"Tahun ini merupakan tahun ketiga ATB dianjurkan.

"Matlamat kami tetap satu iaitu usaha dan pengorbanan setiap pesawah yang menyumbang kepada jaminan dan kestabilan makanan asasi negara terus diiktiraf dan dihargai," ujarnya.

Beliau turut memberi jaminan bahawa pihaknya tetap akan membeli walau sebanyak mana pun padi yang dibawa ke kilang-kilang beras Bernas.

LAUPA JUNUS

INFO

Pemenang lain ATB 2019

Pemenang/Umur	Kategori	Hadiah
Norzan Abdullah, 40, (Kedah)	Pesawah Cemerlang	RM10,000 Motosikal Kris MR2, trofi, sijil.
Mohamad Setapa, 54, (Terengganu)	Jualan Terbanyak	RM5,000 Motosikal Kris MR2, trofi dan sijil.
Adnan Aziz, 60, (Kedah)	Pemutuan Terbaik	RM5,000 Motosikal Kris MR2, trofi dan sijil.
Rozali Harun, 48, (Kedah)	Kadar Hasil Tertinggi	RM5,000 Motosikal Kris MR2, trofi dan sijil.
Rozaimi Bin Mat Zahari @ Ahmad, 42, (Kedah)	Prestasi Meningkat	RM5,000 Motosikal Kris MR2, trofi dan sijil.
Dibuk Sdn. Bhd.	Pengilang Bumiputera Cemerlang	RM5,000 Trofi dan sijil.
Kilang Beras Sungai Lima Dalam Sdn. Bhd.	Pengilang Bumiputera Harapan	RM3,000 Trofi dan sijil.
Auliah Store	Pemborong Bumiputera Cemerlang	RM5,000 Trofi dan sijil.
Bidara Rice Sdn. Bhd.	Pemborong Bumiputera Harapan	RM3,000 Trofi dan sijil.

SUSULAN NELAYAN PERAH KERINGAT, PENDATANG ASING KAUT UNTUNG

Sokong konsortium kawal harga ikan

NEKMAT anggap inisiatif boleh lindungi nasib nelayan tempatan

Oleh Fahmy A Rosil
fahmy.azril@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) menyokong penuh cadangan penubuhan sebuah konsortium yang boleh melindungi nasib nelayan tempatan dan menjamin bekalan ikan berkualiti pada harga berpatutan.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari, berkata syor dikemukakan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil itu juga dapat mengekang harga ikan daripada dijual pada harga terlalu tinggi terutama pada musim yang memberi kesan terhadap jumlah tangkapan nelayan.

Katanya, cadangan itu turut mampu mengurangkan kadar keuntungan orang tengah merangkumi kos pengangkutan yang mempengaruhi kenaikan harga ikan, sekali gus dapat menstabilkan harga dan memberi faedah lebih baik kepada

nelayan termasuk merangsang aktiviti jual beli dengan pengguna.

Beliau berkata, sasaran itu boleh dicapai jika kerajaan dapat mengemblem LKIM, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), NEKMAT dan lain-lain agensi atau persatuan dalam konsortium terbabit.

"Cadangan yang baik (penubuhan konsortium) untuk mengekang harga ikan yang agak tinggi. Ia dapat sedikit sebanyak membantu, terutama pada musim kurang atau tidak ikan.

Salur dana melalui konsortium

"Konsortium ini perlu mendapat sokongan dan dokongan daripada kerajaan, terutama LKIM untuk pastikan bahawa pengemblem ini memberi manfaat kepada nelayan dan pengguna. Sudah pasti ia juga dapat memberi rangsangan dan kebaikan kepada pengguna," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Abdul Hamid berharap kerajaan turut menyalurkan dana melalui konsortium itu sebagai kos untuk mengimbangi harga ikan supaya tidak terlahu tinggi.

Syor oleh Muhammad Faiz itu susulan pendedahan BH mengenai nasib nelayan tidak berubah walaupun saban hari merah keringat memastikan bekalan ikan berterusan untuk rakyat, namun pulangan diterima jauh lebih rendah dari-

pada pendapatan diraih pendatang asing yang menjual hasil laut itu di pasar borong.

Beliau dilaporkan berkata, syor itu membabitkan pihak berkepentingan dalam sektor berkenaan sebagai antara kaedah menstabilkan harga ikan di pasaran agar tidak melambung tanpa kawalan, selain mengambil alih peranan peraih atau orang tengah yang sekian lama mengaut untung berlebihan.

Tingkat rantaian bekalan

Sementara itu, Pengarah Institut Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shaufique Sidique berkata, konsortium terbabit boleh menyusun pasaran selain dapat meningkatkan rantaian bekalan.

Jika tidak, katanya, proses jual beli sejurus pendaratan ikan oleh nelayan terpaksa melalui beberapa lapisan 'orang tengah' yang setiap satu mengambil komisen sehingga menjadikan harga ikan mahal.

"Kalau kita ada satu konsortium, pasaran akan tersusun selain menghapuskan banyak lapisan (orang tengah). Jika tidak (ada konsortium), peraih akan ambil banyak keuntungan sebelum ikan tiba ke pasar.

Jika konsortium, prosesnya terus beli, terus sampai ke pasar, maksudnya konsortium ini mengurangkan banyak kerehah atau lapisan orang tengah," katanya.



Konsortium ini perlu mendapat sokongan dan dokongan daripada kerajaan terutama LKIM untuk pastikan bahawa pengemblem ini memberi manfaat kepada nelayan dan pengguna"

Abdul Hamid Bahari,
Pengerusi NEKMAT



Keratan akhbar 1
Ahad, 14

Penternak kerbau terjejas

Cuaca panas melampau, kawasan berkubang kering kontang



BADARUDIN

mendapati rumput yang menjadi sumber makanan utama haiwan itu mula mengering.

Tempat berkubang haiwan tersebut di ladang berkenaan juga sudah tidak kelihatan dan ada tanah yang merekah.

Penternak Badarudin Husin, 45, mengakui dia dan rakan-rakannya gusar jika fenomena tersebut te-

info

100 kerbau berdepan risiko kematian jika cuaca panas dalam tempoh sebulan lagi

Badarudin berkata, ternakan itu dipelihara di ladang seluas kira-kira dua hektar sejak 2000.

"Berat kerbau pun dah susut sebab sumber makanan seperti rumput sukar didapati di ladang. Memang sekarang musim tak menentu, kalau dulu kita boleh jangka, musim teng-kayuh dan panas.

"Apa yang boleh dilakukan selain berdoa kepada ALLAH supaya musim panas tak berpanjangan, kami akan cuba lakukan apa untuk ternakan ini," katanya.



Rumput ladang di ladang ternakan menjejaskan sumber makanan kerbau.

rus berlaku dalam tempoh sebulan lagi, mereka akan berdepan risiko kematian haiwan ternakan itu.

"Memang kali ini situasi panasnya antara yang teruk, namun bagi kami paling teruk pada 2015. Sekarang ini pun, kalau kerbau dilepaskan, lambat balik kerana pergi jauh untuk berkubang berbanding sebelum ini ada kawasan berkubang untuk ternakan saya di sini," katanya.

Menurutnya, 100 kerbau di ladang itu dilepaskan seawal jam lima pagi dan masuk kandang lewat petang setiap hari.

Headline	Here comes Cendol Segera!		
MediaTitle	New Sarawak Tribune		
Date	27 Mar 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	46,471
Page No	7	Readership	164,773
Language	English	ArticleSize	250 cm ²
Journalist	ABANG FARID ABANG TAHA	AdValue	RM 970
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,909



THE three versions of 'Cendol Segera' - Dried, Instant and Cendol Crackers

Here comes Cendol Segera!

BY ABANG FARID ABANG TAHA

KUCHING: "Cendol Segera" (Instant Cendol) is among the unique Sarawak products being showcased at an exhibition at the Old Kuching Smart Heritage Agenda event held at the Waterfront Kuching here.

"Cendol Segera" believed to be the first such invention in Malaysia, was initiated by Zamahari Saidi with support from Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) and Kuching North City Commission (DBKU) as a community project for Kampung Sungai Bedil Besar.

Manning the "Cendol Segera" booth yesterday were three ladies from Kampung Sungai Bedil Besar, who proudly briefed *New Sarawak Tribune* on the product.

One of them, Fatimah @ Juwita Haji Joli, 62, said there were three versions of "Cendol

Segera", namely, Dried, Instant and Cendol Crackers.

"The cendol can be stored at room temperature," she explained, adding

the Dried Cendol was packed together with palm sugar and coconut milk powder to create "Cendol Segera" or "Instant Cendol".

"As an iconic Malaysia Heritage dessert, the product has vast potential in the market," she pointed out.

"In the Malaysia Agriculture Horticulture and Agrotourism 2018, the product was a popular hit and in the same year, the product won three awards during Mardi Innovation Day," said Fatimah.

The Old Kuching Smart Heritage Agenda event, organised by Sarawak Tourism, DBKU and Sarawak Multimedia Authority, takes place at the Kuching Waterfront from March 25 - 31 at 9.00am till 10.00pm.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2019	TEMERLOH	SH	34

Agro Malaysia, TGV meterai MoU

BENTONG - Pertubuhan Usahawan Agro Malaysia (Agro) akan menilai faktor sesuai bagi memajukan pokok cendana di negara ini.

Bagi tujuan itu Agro memeterai perjanjian persefahaman (MoU) bersama syarikat perintis tanaman cendana di Malaysia, The Green Valley Plantation Management Berhad.

Presiden Agro, Datuk Seri G Gnaraaja memberitahu, MoU itu sebagai permulaan kerana melihat potensi besar pokok cendana.

"Bagaimanapun ia bukanlah boleh dicuba sebaliknya perlu kemahiran dan kerja kuat," katanya selepas majlis MoU tersebut yang diwakili Pengarah TGV, Datuk Jeff Chong Yong Pang selaku wakil syarikat itu.

TGV memiliki tujuh ladang dan terkini di Karak dengan keluasan 2.4 hektar membabitkan 3,200 pokok itu.

Jelas Gnaraaja, pihaknya akan meninjau pelbagai aspek dalam merealisasikan perjanjian itu termasuk membantu syarikat berkenaan dalam penanaman dan penyelidikan.

Menurutnya, inisiatif syarikat itu yang mengeluarkan produk halal berasaskan cendana bertepatan dengan usaha kerajaan menambah produk halal.

Sementara itu, Yong Pang berkata, pada masa ini syarikat berkenaan mempunyai tujuh ladang cendana di seluruh negara dengan keluasan melebihi 162 hektar membabitkan 200,000 pokok.

Katanya, kayu dan minyak cendana dihasilkan syarikat itu mendapat permintaan tinggi dengan pasaran China, Amerika Syarikat dan Jepun.

"Ia digunakan dalam pelbagai produk antaranya untuk komestik, minyak wangi, pembuatan keranda selain tujuan perubatan," katanya.



KAMBINING 'TERMLACHO'

- Pok Ya baka Kalahari belaan budak 8 tahun muncul juara

suara@metro.com.my

Gilang seorang lelaki berusia 8 tahun sedang memposok, meminum dan memetik seketor kambing sado memuncu persembahan rasmi pertandingan nasional kambing sado di Kuala Lumpur.

Belajar Muhammad Adam Ziqri Mohd Hafizul B. yang bermania dengan kambing kesayangannya dari baka Kalahari dan diberi nama 'Termlach' turut sepanjang pertandingan Kambing Sado.

Sepanjang tempoh Pok Ya ditambat di pokok, Muhammad Adam langsung tidak berganjak sehalu-halunya Pok Ya memebelak membeluk serta memanggag belakang haiwan itu tanpa menghiraukan pengunjug dan peserta lain. Apabila Pok Ya ditambatkan sebagai juara bagi kategori jantan muda dewasa sekali Gus mernbawa Gelaran Awe Mlacho dengan mensewaskan Pok Ya yang baka lain dalam Kategori itu. Bapanya, Mohd Hafizul

Jaafar, 38, berkata, kambing berusia 13 bulan itu dipelihara di rumah di kawasan bukit batu selangau dibeli untuk dibalik baka kesanya. Kambing berkenaan boleh dikatakan membesar di tangan Muhammad Adam kerana sejak bermula Adam telah mengasah bakulannya lagi Pok Ya dilaga anak bongan dari tiga beradik itu.

"Setiap hari selepas pulang dari sekolah, dia akan datang ke kandang di belakang rumah untuk memandikan, membersihkan dan memotong Pok Ya maikan.

"Adam akan meluangkan masa sehingga petang bermain dan bermain dengan Pok Ya yang sudah dianggap sebagai sahabatnya," katanya. Mohd Hafizul berkata, dia ada memelihara lapan lagi kambing di rumahnya di Bukit Selangau, tetapi hanya Pok Ya yang rapat dengan Muhammad Adam.

Pertandingan tulang kali diadakan ini adalah anjuran Kambing Baka dengan kerjasama dari Jabatan

Veterinar Kelantan serta Kelab Pemernak Anak Sado. Pok Ya, 50, kambing dipertandingkan empat kategori iaitu jantan sado, jantan muda jalar, jantan muda dewasa (Awe Mlacho) dan betina (Mek Sado) yang berumur antara 12 hingga 18 bulan.

Sementara itu, juara dari Tahah Merah, Mohd Zulkarnain Mohd Ridwan, 26, dia mempertaruhkan kambing baka kacuk Anglo dan jainapari yang diberi nama 'Jebon'.

Mohd Zulkarnain berkata, dia tidak menaruh minat untuk pertandingan kambing baka yang berusia 13 bulan itu malah terapat ke dalam kategori jantan sado cukup memuaskan hati.

"Tidak disediakan khusus makanan yang memberi kebaikan dalam jebon kerana di dalam kandang di rumah, dia dibelarkan bebas," katanya yang turut memelihara 14 lagi kambing baka di rumahnya.



SEWANGKUN peserta bertam kambing menerok dalam pertandingan di Pusat Geling.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2019	MEGA AGRO	UTUSAN MALAYSIA	



Pak Wan ikon tani

USIA 73 tahun sekadar angka bagi Pak Wan atau nama sebenarnya Wan Chik Ali. Manakan tidak, dalam usia yang sepatutnya dihabiskan bermain dengan cucu, tetapi bagi bekas pegawai kerajaan ini rutin hariannya selepas bersara adalah mengusahakan bendang. Bermula 2.4 hektar kini berkembang kepada 26 hektar di Sungai Dua, Pulau Pinang dengan bantuan syarikat Padiberas Nasional (Bernas).

Pak Wan mencatat sejarah menerima Anugerah Tani Bernas kerana usahanya yang tidak kenal jemu bekerjasama dengan agensi berkenaan dalam aspek penanaman padi. Beliau mendapat bantuan serta bimbingan menjadinya layak dimahkotakan sebagai ikon contoh penanam padi.



TIDAK seperti kebanyakan pesawah yang rata-rata mengusahakan beratus-sesek hektar tekun mengusahakan bendang di Kampung Teluk, Sungai Dua, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang sejak selepas bersara. Dengan bimbingan Soyak, sebuah agensi Tanah Persekitaran Negeri Perak (PKSNP) ini mulai mengusahakan tanah sejak 1980-an. Ketika itu kerajaan amat menggalu-alukan penyertaan bumiputera dalam pendirian makaman rui tersebut dengan memberi bantuan sebagai insentif atau pinjaman.

Pada ketika itu sebagai gahakan mereka yang berminat ditawarkan bantuan sehingga RM40,000 untuk mengusahakan tanah terbitir di sini. Pak Wan mengemukakan sebagai enam ekar (2.4 hektar).

"Saya mengusahakan tanah selepas masa selepas bersara pada 1997 dan mula meningkatkan kawasan penanaman semasa menyuarakan anak lelaki," ujar Wan kepada penerbit Diklatama Pengajian Maura (IJTM) 1986. Ketika itu UJTM masih dinamakan Maktaba Wara di bilian Gunung Penang Jaya.

Apakah mengusahakan sawah secara serius, rutin Pak Wan berubah istru akan ke bendang selepas subuh dan pulang ke rumah sejourus sebelum matahari mulai naik.

Dia akan ke bendang

Setitik peluh di bendang, rezeki seluas jelapang

“Cara mengatasinya pada musim ni saya akan cuba percepatkan sedikit meranam kerana sekiranya lewat bimbang musim kemarau melanda.”



Wan dan isteri, Ali dan Siti, mengusahakan sawah di bendang di Seberang Perai Utara.

menyediakan sawah secara serius, rutin Pak Wan berubah istru akan ke bendang selepas subuh dan pulang ke rumah sejourus sebelum matahari mulai naik.

Dia akan ke bendang



Wan dan isteri, Ali dan Siti, mengusahakan sawah di bendang di Seberang Perai Utara.

menjadi tumbang ditang angin dan beberapa kali banjir melanda. Pak Wan mengabdikan padi yang sedikit. Keranya lagi, bantah varieti MR269 antara yang terbaik kerana buahnya cantik.

Sebelum mengusahakan sawah, Pak Wan berketua, dia akan terus menyokong agensi berkenaan sebagai mampu dan tidak ada cadangan bertali, kepada pengalagiat lain.

Syau ucapkan tahniah kepada Pak Wan kerana menyumbang utang tahun ke-25 penubuhannya pada tahun ini dan berharap ia akan terus memberi sumbangan kepada pesawah,” ujarnya.

Carlton AMERHARTZ ASHUL
SAKSI



Pak Wan dan isteri, Ali dan Siti, mengusahakan sawah di bendang di Seberang Perai Utara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2019	MEGA AGRO	UTUSAN MALAYSIA	23



KAWASAN penanaman padi milik Wan Chik Ali di Sungai Dua, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Bantuan khas kepada pesawah

Kerajaan sebelum ini memperkenalkan Program Rakan Ladang Padiberas Nasional Berhad (Bernas) yang bertujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi negara. Program tersebut membolehkan pesawah menikmati pinjaman tanpa faedah mengikut keluasan tanah yang diusahakan selain bantuan benih dan khidmat nasihat dengan syarat semua hasil padi dijual kepada Bernas. Program yang membabitkan 70,000 hektar sawah itu membolehkan setiap petani menerima pinjaman tanpa faedah sebanyak RM2,000 untuk membeli input pertanian tambahan. Menerusi program tersebut Bernas membelanjakan kira-kira RM200 juta dengan sasaran peningkatan pengeluaran padi kepada enam tan sehektar.

Program yang diperkenalkan pada 2008 itu bagaimanapun ditamatkan pada 2013.

Dalam pada itu, Anugerah Tani Bernas (ATB) diberikan kepada pesawah, pengilang dan pemborong yang setia kepada agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu.

Mengambil contoh kejayaan Wan Chik Ali,

INFO

Anugerah Pesawah Cemerlang

- Wang tunai RM 10,000
- Imbuan tambahan rhesin *power tiller*, trofi dan sijil.

Hadiah Khas Srikandi

- Wang tunai RM5,000
- Mesin racun
- Mesin baja
- Trofi
- Sijil



ZALIHA ABDUL RAHMAN

selepas beberapa dekad menjual hasil beras kepada Bernas, dia menerima ATB 2018 yang mengiktirafnya

sebagai Anugerah Pesawah Cemerlang tahun lalu dan menerima RM10,000, trofi serta imbuan tambahan.

Sementara itu, penerima Anugerah Srikandi, **Zaliha Abdul Rahman, 67**, berkata, dia terlibat dalam penanaman padi sejak berusia 17 tahun sebelum berhenti buat seketika.

Dia kemudian menyambung semula usaha pada 2002 sehingga sekarang bersama suaminya dan meneruskan usaha tersebut selepas hidup bersendirian lima tahun lepas.

Pemergian arwah suaminya tidak menghalang wanita itu untuk terus berusaha dengan dibantu anak saudara dan seorang pembantu.

"Kita kena disiplin dalam mengurus sawah terutama isu air. Saya tidak pernah menyertai mana-mana kursus," ujarnya yang mengusahakan bendang dengan bantuan dan nasihat daripada ibu bapanya.

Dia yang mengeluarkan hasil antara 40 hingga 50 hektar semusim menghantar hasil keluarannya kepada Bernas sejak dahulu lagi. Dia mengaku terkejut menerima Anugerah Srikandi ATB dan berharap agensi tersebut terus membantu pesawah sepertinya untuk terus maju.